



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

ISNIN, 4 DISEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK M



UKK KPWK M

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	NANCY SERU MASYARAKAT BANTU OKU DAFTAR DENGAN JKM	
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250634	BERNAMA.COM
	https://thesun.my/cerita/berita/nancy-seru-masyarakat-bantu-oku-daftar-dengan-jkm-JK11824397	THESUN.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/03/nancy-shukri-urges-all-layers-of-society-to-help-pwds-register-with-social-welfare-dept/105624	MALAYMAIL.COM
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2250645	BERNAMA.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036830/masyarakat-digesa-bantu-oku-daftar-dengan-jkm	HMETRO.COM.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-urges-collaboration-to-boost-oku-registration/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM
	https://www.theborneopost.com/2023/12/03/nancy-community-leaders-district-offices-urged-to-work-with-ministries-depts-in-oku-registration/	THEBORENOPOST.COM
	https://tvstv.my/2023/12/03/ketua-masyarakat-boleh-bantu-percepat-proses-pendaftaran-oku-nancy/	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	KPWKM ANJUR PERKAHWINAN SECARA BERAMAI-RAMAI ELAK KES BUANG BAYI	
	https://suarasarawak.my/kpwkm-anjur-perkahwinan-secara-beramai-ramai-elak-kes-buang-bayi/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/03/kpwkm-jais-terus-bekerjasama-atasi-masalah-sosial-termasuk-kes-buang-bayi-nancy	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/ministry-to-organise-mass-weddings-to-address-baby-dumping/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM
	https://www.theborneopost.com/2023/12/03/nancy-ministry-to-enhance-collab-with-jais-to-address-social-ills/	THEBORENOPOST.COM
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/03/nancy-shukri-womens-ministry-to-enhance-collaboration-with-jais-to-address-social-ills-including-baby-dumping/105521	MALAYMAIL.COM
	https://www.kosmo.com.my/2023/12/03/pasangan-remaja-digalak-berkahwin-daripada-terjebak-kes-buang-bayi/	KOSMO.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

4/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
3	KURANG KESEDARAN PUNCA ANAK ISTIMEWA LAMBAT DAFTAR SEBAGAI OKU - NANCY	
	https://thesun.my/cerita/berita/kurang-kesedaran-punca-anak-istimewa-lambat-daftar-sebagai-oku-nancy-DK11821525	THESUN.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/12/03/pendaftaran-oku-masih-rendah-ketua-masyarakat-dan-pejabat-daerah-disaran-bekerjasama	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.bernama.com/en/news.php?id=2250490	BERNAMA.COM
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kurang-kesedaran-punca-anak-istimewa-lambat-daftar-sebagai-oku-nancy-448559	ASTROAWANI.COM
	https://thesun.my/local_news/pwd-registration-low-in-sarawak-due-to-lack-of-awareness-rural-factor-nancy-shukri-JK11821796	THESUN.MY
	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2250473	BERNAMA.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=s2NjnfXENw	YOUTUBE
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/12/03/registration-of-disabled-low-in-s039wak-due-to-lack-of-awareness-says-minister	THESTAR.COM.MY
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/12/03/nancy-shukri-pwd-registration-low-in-sarawak-due-to-lack-of-awareness-rural-factor/105527	MALAYMAIL.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
4	EMPOWERING LIVES: NANCY SHUKRI'S IMPACTFUL YEAR AS WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT MINISTER	
	https://www.sinardaily.my/article/213379/malaysia/national/empowering-lives-nancy-shukris-impactful-year-as-women-family-and-community-development-minister	SINARDAILY.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KOMENTAR OKU JUGA PUNYA HATI, PERASAAN	
	https://www.malaysiakini.com/news/688734	MALAYSIAKINI.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/12/oku-mampan-membangun-malaysia-madani/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	NANCY HARAP PEMBANGUNAN PRASARANA TELAGA AIR DISEGERAKAN	
	https://www.youtube.com/watch?v=MUmXG3_zagQ	YOUTUBE
	https://www.theborneopost.com/2023/12/03/rapid-growth-is-coming-to-telaga-air-next-year-says-premier/	THEBORENOPOST.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
7	MANGSA BANJIR KELANTAN MENINGKAT KEPADA 2,632	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/12/1184564/mangsa-banjir-kelantan-meningkat-kepada-2632	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036751/mangsa-banjir-kelantan-bertambah-beberapa-kampung-di-pasir-mas-dinaiki-air	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/637811/berita/semasa/mangsa-banjir-di-kelantan-meningkat-lebih-2000-berlindung-di-14-pps	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/12/1036608/2632-mangsa-banjir-di-kelantan	HMETRO.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/bahasa/s/474690	THEMALAYSIANINSIGHT.COM



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM




MALAYSIA
MADANI

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

4/12/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	'GYM TRAINER' TAK MENGAKU ROGOL KENALAN BAWAH UMUR	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/12/1036694/gym-trainer-tak-mengaku-rogol-kenalan-bawah-umur	HMETRO.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/12/1184646/gym-trainer-tak-mengaku-rogol-kenalan-dalam-hotel	BHARIAN.COM.MY



NANCY SERU MASYARAKAT BANTU OKU DAFTAR DENGAN JKM



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyertai Fun Walk sempena sambutan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Peringkat Kebangsaan 2023 di Padang Merdeka.

KUCHING, 3 Dis (Bernama) – Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyeru semua lapisan masyarakat membantu golongan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Berucap pada majlis perasmian sambutan Hari OKU Kebangsaan dengan tema 'Membangun OKU MADANI' di sini, malam ini beliau berkata kelebihan pendaftaran itu membolehkan komuniti berkenaan menikmati hampir 30 kemudahan dan keistimewaan disediakan oleh kerajaan dan swasta.

"Bagi mempelbagaikan kemudahan dan keistimewaan disediakan untuk komuniti OKU, saya ingin mencadangkan agar masyarakat khususnya syarikat swasta bersama-sama menambah kepada penambahan bilangan kemudahan dan keistimewaan yang sedia ada," katanya.

Nancy berkata setakat 31 Okt lepas, sebanyak 681,074 OKU telah berdaftar di bawah tujuh kategori ketidakupayaan menerusi janaan Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU).


Berdasarkan jumlah berkenaan, beliau percaya masih ramai di luar sana yang tidak tahu atau belum membuat pendaftaran OKU.

"Oleh itu, pada hari ini kita membuka kaunter di lobi Hotel Waterfront untuk memberi peluang kepada mereka yang belum mendaftar dan kita berharap lebih ramai menyedari cara berdaftar," katanya.

Mengenai Pindaan Akta Orang Kurang Upaya 2008 yang giat dilaksanakan sejak 2022, Nancy berkata setakat 31 Okt lepas, kementeriannya telah membuat semakan terhadap akta itu bersama golongan profesional melibatkan OKU.

"Ini termasuk ahli akademik, perundangan, wakil persatuan OKU dan OKU sendiri berdasarkan pendekatan multidisiplin," katanya.

Hari OKU yang disambut bermula pada 1994 bertujuan membuktikan bahawa komuniti OKU di negara ini juga tidak ketinggalan daripada mendapat pengiktirafan daripada pihak kerajaan.



KPWKM anjur perkahwinan secara beramai-ramai elak kes buang bayi



KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Masyarakat akan bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bagi menganjurkan perkahwinan secara beramai-ramai (mass wedding) di negeri ini.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata langkah ini diambil sebagai langkah pencegahan terhadap kes buang bayi yang semakin meningkat di Sarawak.

Beliau menyatakan kebimbangan ini susulan kejadian seorang remaja yang didakwa membuang bayi di kawasan perumahan Bandar Baru Samariang.

"Justeru, kita menggalakan untuk meningkatkan kelahiran dengan menggalakkan perkahwinan, terutama di kalangan golongan remaja.

"Kami mengalu-alukan mereka yang berhasrat untuk berkahwin dan akan menganjurkan program-program seperti perkahwinan beramai-ramai. Ini bertujuan memastikan bahawa perkahwinan dijalankan dengan betul," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Hari Orang Kelainan Upaya (OKU) Kebangsaan 2023 di Padang Merdeka di sini, pagi tadi.

Nancy turut menyoroti kerjasama dengan JAIS dan memperkenalkan program "Smart Start" yang memberikan maklumat mengenai pengurusan rumah tangga kepada golongan muda.

"Kementerian kita akan bekerjasama dengan Sarawak dan JAIS untuk melaksanakan program-program bersama yang membentuk pemahaman mengenai nilai-nilai murni dalam keluarga.

"Kita perlu berterusan dengan program-program ini untuk memastikan golongan ini memahami nilai-nilai yang diamalkan oleh keluarga.

"Sebagai sebahagian daripada usaha ini, kita juga akan menghadiri program di Sibul pada 7 Disember ini bersama JAIS untuk membincangkan langkah-langkah selanjutnya dalam mengatasi masalah ini," ujarnya.

Dalam masa yang sama katanya, kementeriannya baru-baru ini juga mengadakan sesi perbincangan antarabangsa di Kuala Lumpur bersama Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) untuk membincangkan strategi intervensi.

Katanya terdapat keperluan untuk Sarawak meningkatkan kadar kelahiran, kerana di negeri ini yang menghadapi kadar kelahiran rendah, terendah di Malaysia.



Kurang kesedaran punca anak istimewa lambat daftar sebagai OKU - Nancy

03-12-2023 11:03 AM



Datuk Seri Nancy Shukri (tengah) -fotoBernama

KUCHING: Jumlah pendaftaran Orang Kurang Upaya (OKU) di Sarawak masih pada tahap yang rendah, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau berkata antara puncanya adalah kurang kesedaran dan faktor jauh dari bandar yang menyebabkan ibu bapa tidak mendaftarkan anak istimewa atau lewat daftar sebagai OKU.


"Untuk mengesahkan seseorang itu OKU, mereka perlu disahkan oleh doktor di hospital, jadi agak payah bagi mereka membawa anak untuk pemeriksaan," katanya selepas menghadiri majlis sambutan Hari Kebangsaan OKU peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka di sini, hari ini.

Nancy berkata untuk mengatasi masalah itu, kementerian menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat dengan kerjasama ketua masyarakat dan pejabat daerah perlu mengadakan program berkaitan bagi mengenal pasti individu yang perlu didaftarkan.

"Kebanyakan rakyat kurang sedar tentang program yang ditawarkan oleh kementerian, justeru adalah menjadi harapan melalui program berkaitan masyarakat ambil tahu.

"Pendaftaran individu OKU adalah penting agar bantuan dapat disalurkan kepada mereka ataupun penjaga," katanya sambil menambah kementerian akan menaik taraf fasiliti untuk kegunaan OKU di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) Kuching untuk dijadikan sebagai rumah perlindungan dan pemulihan.

Sebelum ini, Nancy dilaporkan berkata berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat pada Julai lepas, seramai 663,650 OKU telah berdaftar di negara ini dengan 57,043 daripadanya dalam kategori OKU penglihatan.--Bernama



Empowering lives: Nancy Shukri's impactful year as Women, Family and Community Development Minister



By SYAHIRAH MOKHTAZAR
03 Dec 2023 01:00pm

A YEAR since clocking in as the Women, Family and Community Development Minister, Datuk Seri Nancy Shukri has made several achievements under the Madani government, which reflects her initiative to empower women by boosting female economic participation, advocating for women in leadership roles, and more.

With the new year approaching soon, let's look at some of the achievements and ongoing initiatives of the ministry under her leadership.

FORMULATION OF SENIOR CITIZENS BILL

As Malaysia prepares to become an ageing nation, the ministry has drafted the Senior Citizens Bill to protect the rights and well-being of the elderly. The bill is targeted for its first reading in 2024.

Nancy said the ministry is also reviewing the National Action Plan for Senior Citizens, welcoming feedback and proposals from NGOs to improve the standard of living of the elderly in Malaysia.

ESTABLISHMENT OF CHILDREN'S DEVELOPMENT DEPARTMENT

Shortly after her tenure in the Women, Family and Community Development Ministry, Nancy established a new entity, the Child Development Department, tasked to enhance child protection.

The department acts as one of the solutions to overcome the issue of child abuse and neglect. This department focuses on five areas: prevention, development, protection, rehabilitation and integration into society. With the establishment of this new department, it allows welfare issues to be handled more efficiently.

EDUCATION AND SKILLS DEVELOPMENT PROGRAMME BENEFITTED 58,000 TEENAGERS

In the ministry's effort to educate and raise awareness of teen sexual health, the Education and Skills Development Programme (PPK) in the KafeTEEN Youth Centre has benefitted 58,000 teenagers.

EMPOWERING RIGHTS AND PROTECTING WOMEN'S WELFARE THROUGH I-SAYANG

The ministry collaborated with the Employees Provident Fund (EPF) to launch i-Sayang to enable husbands to voluntarily transfer two per cent of their EPF monthly contributions to their wife's accounts for their future income well-being.

PLANS TO ESTABLISH CHILD, SENIOR CARE TRAINING PROGRAMMES

The ministry plans to establish specialised training programmes for caretakers of children, the elderly and individuals with special needs. The programme aims to ensure that caretakers are equipped with the necessary skills to meet the requirement of their roles.

FOCUS ON SUBFERTILITY TREATMENTS TO ADDRESS DECLINING FERTILITY RATE

A National Subfertility Centre will be built in Shah Alam next year as part of the ministry's effort to address the issue of the declining fertility rate in the country. The centre is said to provide comprehensive fertility treatment and family well-being services. Nancy said the ministry is also looking to establish a subfertility laboratory in Sarawak to cater to subfertility treatment services in the state.



TAJUK : MANGSA BANJIR DI KELANTAN MENINGKAT

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 DIS 2023

M/SURAT : 13

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kota Bharu

TENGGUJUH BERTANDANG

Bilangan mangsa banjir di Kelantan meningkat kepada 2,632 orang daripada 799 keluarga setakat 8 pagi semalam, berbanding 1,741 orang daripada 556 keluarga malam kelmarin.

Menurut portal Info Bencana Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), semua mangsa kini berlandung di 14 pusat pemindahan sementara (PPS) di jajahan Kota Bharu, Pasir Mas, Bachok dan Tanah Merah.

Di Pasir Mas, sebanyak 10 PPS dibuka memabitkan Sekolah Kebangsaan (SK) Gual To'Deh, Rantau Panjang yang menempatkan 572 mangsa daripada 190 keluarga, SK Gual Tinggi (226 mangsa daripada 47 keluarga), Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Baroh Pial, Rantau Panjang (573 mangsa daripada 197 keluarga), SMK (Agama) Lati (88 mangsa daripada 23 keluarga) dan Masjid Mukim Padang Licin (69 mangsa daripada 20 keluarga).

Lima lagi PPS ialah SK Gual Periok yang menempatkan 262 mangsa daripada 73 keluarga, SK Sri

Mangsa banjir di Kelantan meningkat

2,632

Jumlah mangsa banjir di Kelantan



MANGSA banjir menggunakan perahu selepas pekarangan rumah dinaiki air di Kampung Berek Pak Tua Long, Rantau Panjang, semalam. - Gambar NSTP/NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kiambang (163 mangsa daripada 52 keluarga), SK Chicha Tinggi (79 mangsa daripada 20 keluarga), SK Lati (223 mangsa daripada 62 keluarga) dan SMK Gual Periok (115 mangsa daripada 31 keluarga).

Di Bachok, terdapat 221 mangsa daripada 70 keluarga berada di PPS SMK Beris Panchor dan SK Jelawat.

Sementara itu, masing-masing sebuah PPS dibuka di jajahan Kota Bharu iaitu SK Pangkal Kalong dengan 19 mangsa daripada lima keluarga dan Balai Raya Padang Kijang di Tanah Merah yang merekodkan 22 mangsa daripada sembilan keluarga.

Berdasarkan laporan <https://publicinfobanjir.water.gov.my/> tiga sungai di Kelantan melepasi paras waspada iaitu Sungai Golok di Pasir Mas yang mencatat bacaan 17.26 meter (m), Sungai Golok, Tumpat (2.22 m) dan Sungai Semerak, Pasir Puteh (2.12 m).



TAJUK : NAFI NODA KENALAN BAWAH UMUR

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 DIS 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Nafi noda kenalan bawah umur

Tenaga pengajar kecergasan mengaku tidak bersalah atas pertuduhan dikenakan ikat jamin RM7,000

Oleh Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my

Muar

Seorang tenaga pengajar kecergasan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan merogol remaja perempuan bawah umur yang dikenali melalui media sosial dalam hotel di Batu Pahat, Mac lalu.

Loh Che Heng, 23, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sebaik pertuduhan mengikut Seksyen 376 (1) Kanun Keseksaan dibaca di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Mengikut pertuduhan itu, tertuduh yang masih bujang didakwa merogol kenalannya berusia 16 tahun itu di sebuah hotel di Jalan Maju Barat, dalam daerah Batu Pahat, pada jam 6 petang, 2 Mac lalu.

Tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Arif Marzuki manakala tertuduh diwakili Tan Song Yan.

Terdahulu, pihak pendakwaan memohon mahkamah untuk tidak membenarkan tertuduh diikat jamin memandangkan kes ini adalah se-

rius kerana mangsa bawah umur atau mengenakan jaminan sebanyak RM15,000 dengan seorang penjamin.


Mahkamah kemudian memutuskan supaya tertuduh dibenarkan diikat jamin sebanyak RM7,000 dan memerintahkan tertuduh melapor diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Batu Pahat setiap bulan serta tidak boleh mengganggu mangsa atau keluarganya sehingga kes selesai.

Mahkamah turut menetapkan tarikh pada 14 Januari depan untuk sebutan semula serta serahan dokumen berkaitan kes.



CHE Heng diiringi anggota polis keluar dari Mahkamah Sesyen Muar, semalam.

Tertuduh didakwa merogol kenalan di sebuah hotel di Batu Pahat 2 Mac lalu



TAJUK : REMAJA OKU DIREMAN

HARI : ISNIN

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 4 DIS 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kepala Batas

Polis menahan seorang pelajar tingkatan satu bagi membantu siasatan berhubung kejadian mencabul 14 pelajar lelaki golongan orang kurang upaya (OKU) di asrama sebuah sekolah menengah di sini, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Selatan Asisten Komisioner, Mohd Asri Shafie berkata remaja lelaki yang juga OKU berusia 13 tahun itu ditahan selepas polis menerima laporan daripada pengetua sekolah tersebut.

“Semua mangsa berusia antara 13 hingga 14 tahun merupakan pelajar OKU yang mempunyai masalah pembelajaran, penglihatan, pendengaran dan autisme dan suspek kini ditahan reman bagi membantu siasatan,” katanya.

Menurutnya, pihaknya sedang mengesan saksi dan merekodkan keterangan daripada mangsa.

Beliau berkata kes itu disiasat mengikut Seksyen 14

CABUL 14 PELAJAR

Remaja OKU direman




Kesemua mangsa merupakan pelajar OKU yang mempunyai masalah pembelajaran, penglihatan, pendengaran dan autisme”

Mohd Asri

Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan huku-

man penjara maksimum 20 tahun dan sebatan, jika sabit kesalahan.



TAJUK :	NANCY: MINISTRY TO ENHANCE COLLAB WITH JAIS TO ADDRESS SOCIAL ILLS		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	4 DIS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM



Nancy cuts the ribbon to launch the National PwD Day 2023 Fun Walk.

Nancy: Ministry to enhance collab with Jais to address social ills

KUCHING: The federal Women, Family and Community Development Ministry will enhance collaboration with the state Islamic Religious Department (Jais) to address social ills, including baby dumping.

Minister Datuk Seri Nancy Shukri said a series of programmes would be organised towards this end.

She said the ministry, through the National Population and Family Development Board (LPPKN), had organised intervention activities, which needed to be further strengthened by way of collaboration with Jais.

"We at the ministry even

participate in activities with Jais in the hope of coming up with ways to address the problems.

"In fact, my ministry has held a roundtable discussion at the international level in Kuala Lumpur with Unicef (United Nations Children's Fund)," she said.

She said this when met by reporters after launching the National Persons with Disabilities (PwD) Day 2023 Fun Walk at Padang Merdeka here yesterday.

Nancy said her ministry had, among other things, collaborated with Jais in conducting a course for individuals who wanted to get married.

According to her, such course


offers a platform for participants to learn about running a household in addition to the preparation for marriage.

She disclosed that she will be in Sibul on Dec 7 for a programme jointly undertaken by her ministry and Jais.

"The programme is for us to discuss related matters and how we overcome them.

"It is not easy (when it comes to solutions) because it involves many values practiced by family and peers, especially teenagers," she said.

In the meantime, Nancy advised young individuals and teenagers to go for a proper marriage to avoid untoward incidents.



TAJUK : SIX MORE SEDIDIK CENTRES TO BE OPENED NEXT YEAR, SAYS GM

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE BORNEO POST

TARIKH : 4 DIS 2023

M/SURAT : 04

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Six more SeDidik centres to be opened next year, says GM

SIBU: The number of SeDidik early childhood learning centres in the state will increase to 106 next year from the current 100, says its general manager Ayub Dahari.

He said one of the new additions would be the SeDidik Kindergarten at Rumah Seliau in Ulu Oya here.

"This year, there are 80 SeDidik kindergartens and 20 nurseries across Sarawak. For 2024, this number will increase to 106 centres," he said in a speech read by SeDidik Sdn Bhd corporate services sector senior manager Siti Rodziah Bunsu at the 32nd Sibu Zone SeDidik graduation ceremony, here yesterday.

Ayub in his speech thanked

the Sarawak government, particularly the Women, Childhood and Community Wellbeing Development Ministry for entrusting SeDidik with expanding access to early childhood education and care.

"The various grants that have been received from the Sarawak government, particularly the Ministry of Women, Childhood and Community Wellbeing Development are fully utilised to ensure SeDidik operates smoothly and effectively.

"The grants help SeDidik to improve the quality of services at our centres in order to always give the best to parents and the community," he added.


The graduation ceremony, which saw 89 children from 13 SeDidik kindergartens here receive their certificates, was officiated by Sarawak Public Communications Unit officer Ahmat Adai on behalf of Natural Resources and Urban Development Deputy Minister Datuk Len Talif Salleh.

In a speech read by Ahmat, Len Talif said the increasing number of children enrolled in SeDidik centres illustrates the trust of parents in what SeDidik has to offer.

"For that reason, we must always improve the quality of services, facilities and the quality of SeDidik teachers," he said.



Ahmat presents a graduation certificate to a pupil, as Siti Rodziah (left) and others look on.



TAJUK :	WORK WITH AUTHORITIES ON PWD REGISTRATION, COMMUNITY LEADERS, DISTRICT OFFICES TOLD		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	4 DIS 2023	M/SURAT :	01&02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Work with authorities on PwD registration, community leaders, district offices told

Lin How Pin

KUCHING: Community leaders and district offices across Sarawak are advised to work with the ministries and their departments concerned to ensure that persons with disabilities (PwD) are registered with them.

In giving this advice, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri said this is to help increase awareness of PwD registration, which remains low at present.

"I suggest that the community leaders and the various district offices get to know better the situation in their respective villages and areas."

"They can have joint activities with the Ministry of Health (MoiH) and the state Welfare Department (JKM) to verify whether an individual or a child qualifies as PwD or not," she said.

She said this when met by reporters after launching the

National PwD Day of 2023 Fun Walk at Padang Merdeka here yesterday, which saw the participation of more than 200 individuals.

According to Nancy, PwD verification must be done by a relevant specialist or doctor and such official confirmation is not easy particularly for those residing far from urban areas.

She opined that it posed some challenges for those from rural areas to seek confirmation on PwD status from the appropriate doctor.

"Because of this, many of those outside the city are either not registered or lack awareness of the programme organised by the government."

"It is thus the responsibility of our ministry to ensure that our community is aware of what we are doing, including programmes like today, which offers PwD the opportunity to be registered and get help," she said.

» Turn to Page 2, Col 4



Nancy (front row, second right) and Tanjong Datu assemblyman Azizul Annuar Adenan (behind her) join participants for the National PwD Day 2023 Fun Walk.

Ministry working on providing rehabilitation facilities for PwD

» From Page 1

Nancy, who is Santubong MP, said her ministry is presently also working on providing rehabilitation facilities for the PwD community in the state.

She said this is a necessary move given the challenge for the state ministry to send PwD to Peninsular Malaysia to undergo

rehabilitation.

"So we suggest to turn those unused houses or institutions in Kuching into rehabilitation centres for PwD. It is a good sign that those houses or institutions are not being used, and they can be used as a shelter for rehabilitation for PwD," she said, adding that at present, Sarawak has 22 community rehabilitation

centres.

On the National PwD Day 2023, she said it is celebrated on Dec 3 every year, with Kuala Lumpur hosting last year's celebration.

"This year, Kuching was selected as the host. I think it is appropriate for us to bring the celebration to Kuching because it has never been held in Sarawak," she said.



TAJUK : SPORTING GESTURE

HARI : ISNIN

AKHBAR : THE SUN DAILY

TARIKH : 4 DIS 2023


M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



SPORTING GESTURE ... Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri joins participants of a Fun Walk held in conjunction with International Day of Persons with Disabilities at Padang Merdeka in Kuching yesterday. – **BERNAMAPIC**



TAJUK : KESEDARAN PENDAFTARAN OKU DI SARAWAK MASIH RENDAH: NANCY

HARI : ISNIN

AKHBAR : UTUSAN BORNEO (SARAWAK)

TARIKH : 4 DIS 2023

M/SURAT : 01&02

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Kesedaran pendaftaran OKU di Sarawak masih rendah: Nancy



SANTAI: Nancy (dua kanan) bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjong Datu Azizul Annuar Adenan (belakang) bersama peserta Fun Walk yang diadakan sempena Hari OKU Kebangsaan 2023 semalam.

KUCHING: Ketua masyarakat dan Pejabat Daerah di negeri ini disaran bekerjasama dengan jabatan atau kementerian berkaitan bagi memastikan masyarakat di bawah mereka mendapat pengesahan atau pendaftaran orang kurang upaya (OKU).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia bagi membantu meningkatkan kesedaran pendaftaran OKU, yang kini masih berada di tahap rendah.

"Saya menyarankan supaya ketua masyarakat juga bersama Pejabat Daerah,

mereka ini lebih mengetahui masyarakat di bawah mereka dan sudah tentu mengetahui keadaan di kampung.

"Mereka boleh menganjurkan aktiviti bersama Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) untuk memastikan pengesahan individu atau anak-anak sama ada mereka ini OKU atau tidak," katanya ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Hari OKU Kebangsaan 2023 di sini, semalam.

Menurut Nancy, seseorang individu OKU itu harus disahkan oleh pakar atau

doktor berkaitan dan ia pastinya bukan mudah kepada mereka yang jauh dari bandar.

Katanya, untuk mereka pergi berjumpa doktor bersesuaian yang dapat mengesahkan anak atau ahli keluarga mereka OKU agak payah di luar bandar.

"Disebabkan itu ramai mereka di luar bandar ketinggalan (pendaftaran) atau masih lagi ada yang kurang kesedaran mengetahui tentang program yang diadakan kerajaan.

"Menjadi tanggungjawab kepada kementerian kami untuk memastikan masyarakat kita mengetahui apa yang kita

lakukan termasuk program seperti hari ini, yang memberi peluang kepada OKU untuk didaftarkan dan mereka akan mendapat bantuan," tegasnya. Sementara itu, Nancy yang juga Ahli Parlimen Santubong berkata kementerian juga sedang berusaha menyediakan kemudahan pemulihan kepada OKU di negeri ini.

Jelasnya, ia terutamanya OKU yang perlu dihantar ke Semenanjung untuk pemulihan dan ia merupakan satu cabaran kepada kementerian di Sarawak.



Kesedaran pendaftaran OKU di Sarawak masih rendah: Nancy

► Dari Muka 1

"Maka kami menyarankan oleh kerana kita banyak rumah atau institusi kita, yang ada di Kuching sahaja banyak tidak digunakan, akan dijadikan rumah perlindungan untuk pemulihan OKU berkaitan.

"Sebenarnya rumah atau institusi tidak digunakan ini adalah satu petanda positif, yang mana kita boleh menggunakan ia sebagai rumah perlindungan untuk pemulihan OKU, di mana kemudahannya sebelum ini hanya ada di Semenanjung sahaja,"

katanya.

Sementara itu, berhubung Hari OKU Kebangsaan 2023 katanya, ia disambut pada 3 Disember setiap tahun di mana telah diadakan di Kuala Lumpur tahun lepas dan tahun ini menyaksikan Kuching sebagai tempat penganjuran.

"Saya rasa adalah sesuai untuk kita membawa ke Kuching, Sarawak kerana tidak pernah diadakan, dianjurkan di Sarawak.

"Di Sarawak kita ada 22 Pusat Pemulihan Dalam Komuniti dan hari ini program kita disertai lebih 200 OKU," katanya.



TAJUK :	KPWKM, JAIS TERUS BEKERJASAMA ATASI MASALAH SOSIAL		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	4 DIS 2023	M/SURAT :	02
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

KPWKM, JAIS terus bekerjasama atasi masalah sosial

Kementerian memang telah anjur aktiviti intervensi namun perlu diperkuat dengan kerjasama pihak seperti JAIS

Oleh Jessica Jawing

KUCHING: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) terus bekerjasama dengan Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS) bagi mengadakan siri program dalam menangani masalah sosial, termasuk kes buang bayi.

Menterinya Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kementerian menerusi Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) sememangnya telah menganjurkan aktiviti

“Kita di kementerian malah turut serta dalam aktiviti bersama JAIS dan di sini kita membincangkan tentang apa sahaja cara (mengatasinya).”

*Datuk Seri Nancy Shukri
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*

intervensi namun ia perlu diperkuatkan lagi dengan kerjasama pihak seperti JAIS.

“Kita di kementerian malah turut serta dalam aktiviti bersama JAIS dan di sini kita membincangkan

tentang apa sahaja cara (mengatasinya).

“Malahan kami di kementerian juga telah mengadakan perbincangan meja bulat di peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur bersama UNICEF (Tabung

Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu),” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas merasmikan Hari Orang Kurang Upaya (OKU) Kebangsaan 2023 di sini, semalam.

Antara lain tambah Nancy, kerjasama dengan JAIS termasuk mengadakan kursus kepada mereka yang akan berkahwin yang akan memberi pendedahan kepada peserta tentang mengendalikan rumah tangga selain persediaan ke arah perkahwinan. Malahan beliau katanya,

akan ke Sibu pada 7 Disember bagi menghadiri program bersama JAIS.

“Ia untuk kita membincangkan perkara berkaitan dan bagaimana kita mengatasi.

“Bukan mudah kerana ia melibatkan banyak nilai-nilai yang diamalkan oleh keluarga dan rakan-rakan sebaya terutama remaja,” katanya.

Beliau pada masa yang sama menasihati anak muda atau remaja agar mengadakan perkahwinan yang sewajarnya bagi mengelak perkara tidak baik daripada berlaku.



RASMI: Nancy (belakang, dua kanan) bersama tetamu jemputan lain memotong reben sebagai simbolik perasmian Hari OKU Kebangsaan 2023 sebelum pelancaran Fun Walk semalam.



TAJUK :	PENGAMBILALIHAN SEDIDIK BAWA TRANSFORMASI BESAR: LEN		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	4 DIS 2023	M/SURAT :	03
STONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

Pengambilalihan SeDidik bawa transformasi besar: Len

Tambah tiga taska, sembilan tadika, satu pusat jagaan, satu 'Play Centre', jadikan jumlah IPAKK SeDidik 106

Oleh Watt Zachaeus

SIBU: Pengambilalihan SeDidik oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) membawa satu transformasi besar kepada SeDidik dalam memperkasa bidang pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak di Sarawak.

Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datuk Len Talif Salleh berkata, terkini di bawah KPWK, SeDidik memperluas akses kepada pembangunan awal kanak-kanak dengan menambah tiga taska, sembilan tadika, satu pusat jagaan serta satu 'Play Centre', menjadikan jumlah keseluruhan Institusi Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IPAKK) Se-

“Dengan pertambahan akses dan permintaan daripada komuniti setempat, ia menggambarkan SeDidik terus mendapat kepercayaan daripada masyarakat.”

Datuk Len Talif Salleh
Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar

Didik kepada 106 buah.

“Dengan pertambahan akses dan permintaan daripada komuniti setempat, ia menggambarkan SeDidik terus mendapat kepercayaan daripada masyarakat.

“Justeru, kita harus sentiasa mempertingkatkan kualiti perkhidmatan, kemudahan serta kualiti guru-guru SeDidik,” katanya pada Majlis Konvokesyen SeDidik Zon Sibu Ke-32 di sini semalam.

Teks ucapannya dibacakan oleh Pegawai Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) Ahmat Adai yang mewakilinya menyempurnakan majlis tersebut.

Hadir sama Pengurus Kanan Sektor Khidmat Korporat SeDidik Sdn Bhd Siti Rodziah Bunsu Drahman serta tetamu lain.

Seramai 89 kanak-kanak daripada 13 Tadika SeDidik Zon Sibu menerima sijil tamat

pengajian daripada Ahmat.

Menurutnya, SeDidik ditubuhkan pada 1991 di bawah Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (PPES).

Setelah 30 tahun beroperasi, pada 27 Julai 2020 SeDidik diambil alih Kerajaan Sarawak melalui State Financial Secretary (SFS) dan dikawal selia oleh KPWK.

“Dengan pengambilalihan tersebut, SeDidik diberi mandat dan memainkan peranan penting menyediakan perkhidmatan akses pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak kepada masyarakat selaras dengan hasrat kerajaan.

“Pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak sebenarnya bukan sahaja sekadar perseediaan kanak-kanak sebelum ke alam persekolahan formal malah memberi tumpuan kepada perkem-


banghan holistik memenuhi keperluan sosial, emosi, kognitif dan fizikal kanak-kanak membina asas kukuh,” jelasnya.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kuala Rajang itu berkata amat signifikan dalam kehidupan masyarakat, lebih-lebih lagi bagi pendidikan menyumbang fasa pendidikan awal kanak-kanak kerana fasa ini menyediakan asas pembentukan kognitif, emosi dan rohani kanak-kanak.

“Dengan penglibatan aktif, sokongan dan kerjasama padu ibu bapa memastikan kejayaan aktiviti dan program di pusat SeDidik amat bermakna kerana tanpa penglibatan ibu bapa mahupun komuniti setempat, mustahil aktiviti direncanakan dapat dilaksanakan dengan jaya,” katanya.



TAHNNIAH: Ahmat (tengah) menyampai sijil tamat pengajian kepada salah seorang kanak-kanak sambil disaksikan Siti pada Majlis Konvokesyen SeDidik Zon Sibu semalam.



TAJUK :	SEDidik mempunyai enam lagi pusat pendidikan awal, asuhan kanak-kanak		
HARI :	ISNIN	AKHBAR :	UTUSAN BORNEO (SARAWAK)
TARIKH :	4 DIS 2023	M/SURAT :	03
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

SeDidik mempunyai enam lagi pusat pendidikan awal, asuhan kanak-kanak

SIBU: SeDidik akan mempunyai enam lagi tambahan pusat pendidikan awal dan asuhan kanak-kanak yang mula beroperasi pada 2024, kata Pengurus Besarnya Ayub Dahari.

Menurutnya, pada tahun ini Se-Didik beroperasi di 100 tempat di seluruh Sarawak di mana 80 pusat ini adalah tadika manakala 20 lagi adalah taska terletak di lokasi-lokasi seluruh Sarawak bermula dari Lundu hingga ke Lawas.

“Insya-Allah pada 2024, Se-Didik mempunyai 106 pusat tambahan di beberapa tempat baharu dan salah sebuahnya adalah Zon Sibul iaitu Tadika Rumah Seliau, Hulu Oya.

“Di sini kita dapat melihat besarnya peranan SeDidik membantu Kerajaan Sarawak memberi peluang dan akses kepada pendidikan awal dan pengasuhan kanak-kanak tidak kira di mana mereka berada,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam teks ucapannya yang dibacakan oleh Pengurus Kanan Sektor Khidmat Korporat SeDidik Sdn Bhd Siti Rodziah Drahrman

mewakilinya pada Majlis Konvensyen SeDidik Zon Sibul di sini semalam.

Majlis itu disempurnakan oleh Pegawai Unit Komunikasi Awam Sarawak (UKAS) Ahmat Adai mewakili Timbalan Menteri Perancangan Bandar, Pentadbiran Tanah dan Alam Sekitar Datuk Len Taliff Salleh.

Selaku mewakili warga kerja SeDidik, Ayub merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Sarawak khususnya Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) atas kepercayaan meluaskan akses pendidikan awal dan penjagaan kanak-kanak dan memperkasa sumber manusia Se-Didik agar sentiasa berdaya saing dan berpandangan jauh.

Menurutnya, pelbagai geran diterima daripada KPWK digunakan sepenuhnya untuk memastikan SeDidik beroperasi dengan lancar dan berkesan.

“Geran itu adalah membantukami menambah baik mutu dan kualiti perkhidmatan SeDidik di pusat-pusat kami agar sentiasa memberikan

yang terbaik kepada ibu bapa dan masyarakat,” jelasnya.

Sementara itu, Ayub berkata semasa Sarawak Preschool International Convention 2023 di Kuching pada 18 dan 19 November lalu, SeDidik memenangi Anugerah Taska Berkualiti 2023 menerusi Taska SeDidik Kampung Tunku Abdul Rahman, Miri.

Selain itu, SeDidik juga mendapat pujian negara luar sebagai sebuah institusi pendidikan awal yang jauh melangkah ke depan mendahului institusi pendidikan awal di Semenanjung Malaysia dalam memberi perkhidmatan berkualiti kepada masyarakat.

“Pada tahun ini, kami menerima pujian melalui kunjungan lawatan penanda aras pelbagai pihak, antaranya institusi pengasuhan dan pendidikan Awal bukan sahaja dari dalam negara malah luar negara seperti Delegasi PCF Sparkletots (Singapore), Delegasi Pertubuhan Pengusaha Institusi Pendidikan Swasta Seberang Perai Utara, Pulau Pinang dan Singapore Preschool Association dan sebagainya,” jelas beliau.